

# KESELAMATAN JALAN: PM GESA TINGKAT KESEDARAN

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyarankan lebih banyak lagi usaha-usaha patut dijalankan untuk memberi kesedaran kepada orang ramai tentang aspek-aspek kesela-

matan jalan raya.

Menurut beliau, usaha-usaha ini penting bagi mencapai objektif meningkatkan taraf keselamatan jalan raya dan mewujudkan keadaan penggunaan jalan raya yang bersopan santun dan selamat.

Perdana Menteri selaku penaung Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia, berkata demikian dalam kata-kata aluan di buku cederamata pertandingan permainan lalu lintas peringkat kebangsaan yang pertama di Taman Tasik Titiwangsa di sini.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, permainan pertandingan lalu lintas ini penting untuk meningkatkan kefahaman mengenai keselamatan jalan raya di sekolah-sekolah.

"Dengan cara ini, kefahaman dapat dipupuk awal-awal lagi iaitu semasa peringkat kanak-kanak lagi," tambah Perdana Menteri.

Belliau juga melahirkan rasa sukacita terhadap penaja dari syarikat swasta yang membantu Majlis Keselamatan Jalan Raya menjalankan aktiviti-aktiviti lebih luas lagi.

Pengerusi Majlis Keselamatan Jalan Raya, Datuk Lee San Choon pula berkata, pihaknya sentiasa menjalankan aktiviti-aktiviti yang meliputi semua peringkat pengguna-pengguna jalan raya.

Katanya, salah satu kegiatan jangka panjang ialah memberi tumpuan utama pengajaran dan latihan keselamatan jalan raya di kalangan kanak-kanak sekolah sama ada melalui mata pelajaran atau aktiviti ko-kurikulum sekolah.

Datuk Lee yang juga Menteri Pengangkutan berkata, pertandingan lalu lintas di peringkat kebangsaan ini adalah pertama kali tetapi di peringkat negeri kerap diadakan.

"Saya percaya acara di peringkat kebangsaan ini dapat menambah kecederungan kanak-kanak sekolah terhadap aktiviti keselamatan jalan raya," tekan Menteri itu lagi.

Menurut Datuk Lee, penggalakan yang sewajarnya harus diberi kepada kanak-kanak lagi supaya mereka akan menjadi pengguna-pengguna jalan raya yang lebih bertertib dan berdisiplin di masa depan.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia